



MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

JAWATAN KOSONG

1. (a). Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada pemohon atau ibu/bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan seperti senarai dibawah
- (b). Keutamaan diberi kepada pemohon yang berpengetahuan serta berminat dalam bidang sukan.
- (c). Tarikh permohonan ialah pada **12 Oktober 2016**

BIL	JAWATAN	GRED
A.	GRED LANTIKAN	
1	PENOLONG JURUTERA	JA29

2. Taraf Jawatan : Kontrak
3. Umur : Calon-calon lantikan terus mestilah berumur dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
4. Jadual Gaji : }
5. Syarat Lantikan : } Sila rujuk portal rasmi MSN Selangor di alamat berikut:
<http://www.msnselangor.gov.my>
6. Fungsi / Bidang tugas : }
7. Cara Memohon : (a) Semua permohonan hendaklah dibuat dengan memuat turun Borang Permohonan Jawatan di www.msnselangor.gov.my.
- (b) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor beserta dengan dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan (c) di bawah:
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- (d) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini
- (e) Permohonan daripada kakitangan awam yang sedang berkhidmat hendaklah mendapat sokongan dan pengesahan Ketua Jabatan.
- (f) **Permohonan yang tidak lengkap akan DITOLAK.**

8. Alamat Permohonan : Alamat Surat Meyurat:

**Pengarah Eksekutif
Majlis Sukan Negeri Selangor
D/A Level 3, No. 1 Persiaran Akuatik
Hotel Carlton Holiday & Suites
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan**

9. Perhatian : (a) Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga.

(b) Permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut:

i. Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
ii. Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga)

10. Pertanyaan : Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat dengan menghubungi pihak Urusetia melalui telefon atau melalui email berikut:

(a) urusetia : 03-5510 9063
(b) email : admin@msnselangor.gov.my

1. **NAMA JAWATAN : PENOLONG JURUTERA (KONTRAK)**

Gred dan Jadual Gaji JA29	:	<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
		RM 1549.00	RM 5701.00
ITKA	-	RM 160.00	
ITP	-	RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 145.00	

Skim Perkhidmatan : Bersepadu

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/DIPLOMA

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)

Syarat Lantikan:

- a) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau berkelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

[Gaji Permulaan: RM1,549.00] **atau**

- (ii) Diploma dalam bidang kejuteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM1,935.02]

- b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

c) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

d) **DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyediakan dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

